

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN UKUR BANGUNAN

**KEMUDAHAN KAWALAN KEBAKARAN
DI BANGUNAN-BANGUNAN INSTITUT
LATIHAN PERINDUSTRIAN**

Satu dissertasi yang disediakan sebagai memenuhi
Sebahagian dari syarat untuk penganugerahan
Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)

DISEDIAKAN OLEH : NORPISAH BT. JUMIN
SESSI : 1999 / 2000

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

JABATAN UKUR BANGUNAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

DISSERTASI BSV 695

PENGESAHAN PEMBETULAN DISSERTASI

Dengan ini adalah disahkan bahawa pelajar berkenaan telah membuat pembetulan seperti yang telah diarahkan dan seterusnya dibenarkan menjilid dissertasi beliau.

Nama Pelajar : Norpisah bt. Jumin.

No. Pelajar : 98025264.

Tajuk Dissertasi : Kemudahan Kawalan Kebakaran Di
Bangunan-Bangunan Institut Latihan
Perindustrian.

Semester : 04 / 2000

Nama Penyelia : Puan Julaida bt. Kaliwon.

Tandatangan : 

Tarikh : 12/06/2000



SELAMATKAN DIRI...

lebih 2,000 penduduk, kebanyakannya pendatang yang hilang tempat tinggal apabila kira-kira 600 rumah di kawasan setinggan Kampung Lembaga Paksi, Manam, Kota Johor baharu hangus dalam satu kebakaran besar, jam 10.53 semalam. Bagaimanapun, tiada kematian jiwa atau kecederaan dilaporkan dalam kebakaran yang memusnahkan tiga perempat daripada perkampungan setinggan yang didiami kebanyakannya

penduduk suku Bugis dan Filipina itu.

Selain kediaman, turut musnah dalam kebakaran di pagi hari raya keempat itu ialah Surau Nurul Iman dan Sekolah Agama Kafa.

Angin kuat menyebabkan api cepat marak dan merebak ke kawasan rumah dan sekolah. Pelbagai dokumen pelajar dan kira-kira 3,000 buku teks yang sepatutnya digunakan minggu depan juga hangus. - Gambar oleh Datu Ruslan Sulai

API SEMASA KECIL MENJADI KAWAN DAN SEMASA BESAR MENJADI LAWAN YANG GANAS.

“ADAKAH KAMU MELIHAT API YANG KAMU NYALAKAN DENGAN KAYU ? KAMUKAH MENJADIKAN POHONNYA ATAU KAMIKAH YANG MENJADIKANNYA ? KAMI JADIKAN API ITU SEBAGAI PERINGATAN DAN BERGUNA UNTUK ORANG – ORANG BAIK DI PADANG PASIR.”

AYAT AL-QURAN, SURAH AL-WAQIAH 71-73

ABSTRAK.

Kemudahan Kawalan Kebakaran di Bangunan-Bangunan Institut Latihan Perindustrian merupakan tajuk disertasi yang dipilih oleh penulis memandangkan topik ini adalah berkaitan dengan keselamatan bangunan dimana akibat berlakunya akan memusnahkan hartabenda dan mengorbankan nyawa . Rekabentuk bangunan yang menarik dan mempunyai kemudahan kawalan kebakaran yang berteknologi canggih, tidak akan berkesan jika tidak tahu menggunakannya dan mempunyai pengurusan penyelenggaraan yang tidak terancang belum tentu menjamin keselamatan sifar pada bangunan tersebut.

Penekanan lebih diberikan kepada keberkesanan peralatan sistem pencegahan kebakaran secara aktif yang biasa diaplikasikan di bangunan-bangunan Institut. Jenis dan perletakan sistem pencegahan keselamatan kebakaran yang sesuai mengikut kegunaan jenis bangunan dengan merujuk kepada piawaian-piawaian berkaitan iaitu Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

Topik yang diberi keutamaan adalah kepekaan pihak pengurusan bangunan dalam menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan kepada peralatan sistem pencegahan keselamatan kebakaran. Perancangan penyelenggaraan yang teratur dengan mengikut kehendak-kehendak piawaian dan dilengkapi jadual

serta rekod pemeriksaan dan penyelenggaraan. Melalui konsep ini akan dapat mencapai tahap keselamatan yang lebih efektif dan efisien.

Pengetahuan, pengalaman dan keperihatinan kepada semua pihak baik terlibat secara langsung atau tidak langsung mengenai kemudahan kawalan kebakaran dan keselamatan persekitaran yang baik akan menjamin kurangnya bayangan risiko kebakaran. Gabungan pihak penguatkuasaan seperti Majlis Tempatan, Bomba dan Jabatan Keselamatan dan disertai jaminan pihak Insuran, diharap dapat memberi kesedaran dan faedah kepada masyarakat akan kepentingan sistem pencegahan kebakaran yang dititik beratkan.